



Zaki (dua dari kanan) melihat **buku biografi Naib Canselor UMS** selepas majlis pelancarannya sambil diperhatikan Mohd Harun (kiri) dan Mohd Shukor (dua dari kiri) di Kota Kinabalu, semalam. [FOTO MOHD ADAM ARININ/BH]

LHDN sasar kutipan cukai lebih rendah

» Harga minyak global jatuh jejas hasil disumbang firma petroleum

Oleh Mohd Izham Unnipp Abdullah
thaddius@bh.com.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menyasarkan kutipan cukai lebih rendah tahun ini berbanding sasaran RM140 bilion yang ditetapkan sebelum ini beriku-

tan penurunan harga minyak yang dilihat memberi kesan kepada kutipan cukai daripada aktiviti atau syarikat berkaitan petroleum.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukor Mahfar, berkata penurunan harga minyak daripada AS\$100 setong pada tahun lalu kepada AS\$49 setong ketika ini menyebabkan pendapatan sektor petroleum merosot dengan ketara.

Beliau berkata, keadaan itu secara tidak langsung memberi kesan ketara kepada kutipan cukai tahun ini berikutan kedudukan sektor petroleum sebagai penyumbang terpenting hasil cukai negara

membabitkan 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan cukai.

"Tahun lalu, kerajaan menetapkan sasaran kutipan cu-

FAKTA NOMBOR

RM140
bilion

kutipan cukai
disasar LHDN tahun ini

kai bagi tahun 2015 sepatutnya RM140 bilion tetapi pada masa itu harga minyak sekitar AS\$100. Bagaimanapun, selepas kerajaan mengumumkan Bajet 2015, harga minyak mula jatuh dan sekarang harganya antara AS\$45 hingga AS\$49 setong.

"Jadi, kutipan daripada syarikat atau aktiviti berkaitan petroleum yang kita tahu menyumbang 30 peratus daripada kutipan LHDN, akan menurun. Berikutan itu, kerajaan terpaksa melihat semula sasaran kutipan sebelum ini dengan mengambil kira situasi itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ceramah kepemimpinan dan pengurusan bertajuk 'Didorong oleh visi, dipacu oleh kreativiti dan inovasi' di Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Pelaksanaan GST

Selain faktor kejatuhan harga minyak, Mohd Shukor berkata, jumlah kutipan cukai tahun ini turut disasar mengalami penurunan, khususnya sumbangan sektor korporat disebabkan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Namun, beliau berkata, pihaknya melaksanakan pendekatan lain untuk memastikan penurunan cukai daripada sektor petroleum dan korporat dapat ditampung agar kutipan cukai keseluruhan tidak jauh daripada sasaran awal.

"Kita cuba tingkatkan usaha kerana mungkin ada sasaran kawasan atau aktiviti yang tidak dikesan sebelum ini boleh membantu menambah kutipan cukai, termasuk daripada orang yang sebelum ini tidak melapor cukai," katanya.